

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE**  
**BIN MOHD AKIN**  
**KAWASAN** : **BUKIT KATIL**  
**TARIKH** : **3 OGOS 2017**  
**NO. SOALAN** : **419**

**SOALAN**

**TUAN ANUAR BIN ABD MANAP** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimana usaha Kerajaan untuk menyemak balik tarif harga kereta berdasarkan perkembangan yang berlaku di antara perjanjian Geely dan Proton dan apakah perkembangan status AFTA berkaitan harga kereta import di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, perubahan dasar dilakukan berdasarkan perkembangan dan keperluan semasa negara dan ianya tidak tertakluk kepada perkembangan sesebuah syarikat. Pada masa ini, Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk meminda dasar-dasar berkaitan automotif termasuklah duti import, cukai eksais dan cukai jualan selepas 49% pegangan ekuiti PROTON dijual.

PROTON seperti syarikat-syarikat lain di negara ini adalah tertakluk kepada prosés dan prosedur percukaian yang sama. Pengecualian dan

pengurangan duti import, duti eksais, *investment tax allowance* (ITA) atau *Pioneer Status* boleh dipertimbangkan bagi syarikat-syarikat pemasang kenderaan termasuk PROTON yang menjalankan aktiviti nilai tambah yang diukur melalui nilai pelaburan, tahap pemindahan teknologi dan penyediaan pekerjaan selaras dengan Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014.

Sekiranya Kerajaan bercadang membuat perubahan terhadap Dasar Automotif Negara, konsultasi bersama semua pihak berkepentingan akan dibuat terlebih dahulu dan tidak hanya dengan PROTON sahaja.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) atau kini dikenali sebagai *ASEAN Trade in Goods Agreement* (ATIGA), Malaysia telah memansuhkan duti import ke atas produk automotif termasuk kenderaan siap dipasang atau dengan izin *Completely Built-Up* (CBU) bagi semua negara anggota ASEAN. Walau bagaimanapun, bagi menikmati pemansuhan duti import tersebut, syarikat pengimport perlu mematuhi peraturan tempasal yang ditetapkan iaitu "*Regional Value Content* (RVC) 40%".

Harga kereta yang diimport dari mana-mana negara termasuk negara anggota AFTA tidak ditetapkan oleh pihak Kerajaan, sebaliknya ditentukan oleh syarikat-syarikat pengeluar dan pemasang kenderaan berdasarkan faktor pasaran (*market forces*) seperti harga komponen CKD yang diimport dan juga yang diperolehi dari pasaran tempatan, kadar tukaran mata wang asing, kos pengangkutan, insurans, kadar faedah pinjaman dan kos-kos lain.

Dengan pelaksanaan Perjanjian ini, ianya dapat memberikan kesan positif kepada industri automotif tempatan kerana membuka peluang bagi pengeluar kenderaan serta komponen dan alat ganti kenderaan tempatan untuk mengeksport ke negara-negara ASEAN pada kadar yang kompetitif.

Pada masa sama, ia juga membolehkan industri automotif tempatan mengimport komponen dan alat ganti kenderaan dari negara-negara ASEAN dengan harga yang kompetitif, sekaligus mengurangkan kos bahan mentah dalam pembuatan kereta tempatan dan mengatasi harga yang ditawarkan kenderaan import di Malaysia.

Sekian, terima kasih.